

**Najib setuju Umno tak putuskan dasar sendiri  
Malaysiakini.com  
Disember 5, 2010**

Pengerusi BN Datuk Seri Najib Razak berkata beliau menyetujui saranan supaya Umno tidak lagi membuat keputusan dasar yang penting dalam melalui mesyuarat parti itu sendiri.

Beliau berkata demikian ketika ditanya dalam sidang akhbar hari ini berhubung saranan berkenaan yang disuarakan presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek.

NONEDr Chua membuat saranan berkenaan dalam ucapan penggulungannya dalam Konvensyen BN di Kuala Lumpur petang ini.

Dalam ucapannya itu, Dr Chua berkata sebarang keputusan penting perlu dibuat secara bersama bagi mengelakkan berlakunya hubungan seperti "abang sulung dan adik bongsu" dalam BN.

"Kita mesti bekerja sebagai rakan kongsi yang setaraf, jadi keputusan mengenai dasar tidak sepatutnya diumumkan dalam perhimpunan agung Umno ataupun dalam mesyuarat majlis tertinggi," kata Chua dalam ucapannya.

Chua menjelaskan, mesyuarat berkenaan tidak setaraf dengan Kabinet.

Jaga perasaan komponen BN

Mengulas saranan itu, Najib berkata beliau memahami kehendak untuk menjaga perasaan anggota komponen parti BN.

NONENajib juga bersetuju dengan ulasan Chua bahawa pemimpin parti BN tidak patut menyebut perkataan dianggap sensitif seperti "ketuanan Melayu" demi menjaga perasaan anggota parti komponen BN.

Chua dalam perbahasan petang tadi turut meminta pemimpin tidak menyebut perkataan sensitif seperti "pendatang", "penumpang" dan "tidak patriotik."

"Dalam lain perkataan, kita perlu sensitif mengenai semua parti komponen," kata Najib.

"Ini tidak bermakna Umno sahaja, tetapi MCA, MIC, dan semua pihak; ia terpakai kepada semua. Ini bukanlah ditujukan kepada Umno semata-mata," katanya lagi kepada pemberita petang ini.

Calon BN pilihan rakyat

Dalam pada itu, Najib turut memberi jaminan bahawa calon Barisan Nasional (BN) yang bakal terpilih pada pilihan raya umum akan datang, adalah terdiri calon pilihan rakyat.

vote barisan nasional bn "Kita akan tekankan soal rakyat didahulukan," kata ketika ditanya mengenai kaedah pemilihan calon pilihan raya umum akan datang sama ada akan mendahulukan calon pilihan rakyat atau berdasarkan kehendak parti semata-mata.

Mengenai kuota pembahagian kerusi pula, Najib berkata perkara itu akan diputuskan atas semangat parti BN dengan mengadakan rundingan dengan semua 13 parti komponen.

Perdana Menteri menegaskan bahawa Konvensyen BN yang diadakan hari ini adalah sebagai satu proses untuk mengukuhkan dan menguatkan BN secara berterusan.

"Ia bukanlah menjelang pilihan raya umum ke-13, sebaliknya satu proses yang berterusan. Pilihan raya boleh diadakan pada bila-bila masa sahaja.

"Terpulang kepada kami untuk menentukan bila masa yang paling baik," katanya, sambil menolak tanggapan bahawa konvensyen itu diadakan semata-mata untuk BN membuat persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/150049>